

FORTINET DAN PROCURVE GABUNG TENAGA SEDIA KESELAMATAN RANGKAIAN

Fortinet, peneraju dan penyedia penyelesaian pengurusan ancaman bersatu (UTM) mengumumkan kerjasama dengan ProCurve Networking dari HP untuk menyediakan rangkaian selamat kepada pengguna seluruh dunia. Fortinet merupakan syarikat pertama menyertai program sekuriti ProCurve yang direka untuk menawarkan kepada pengguna sekuriti, mobiliti dan penyelesaian gabungan telah diuji dan disahkan.

Menerusi kerjasama ini, Fortinet akan meluaskan platform sekuriti popularnya iaitu FortiGate kepada persekitaran rangkaian ProCurve. Ia memainkan peranan dalam strategi pertahanan ProActive ProCurve dengan secara proaktif melindungi rangkaian daripada ancaman dalaman mahupun luaran. Fortinet akan mendapat manfaat dari segi peningkatan peluang dan pasaran dengan kolaborasi bersama ProCurve yang juga merupakan vendor rangkaian kedua terbesar di dunia.

"Melihat kepada peningkatan ancaman kompleks, rangkaian dalam mahupun



luar harus dipastikan selamat. Dengan menjalankan aplikasi sekuriti Fortinet ASIC bersama strategi pertahanan ProActive ProCurve, ia dapat menyediakan kepada pengguna keselamatan rangkaian terbaik dan pelaksanaan pilihan serta fleksibiliti mengikut apa yang dikehendaki oleh pengguna," kata Richard Stiennon, Ketua Pengawai Pemasaran Fortinet.

Produk sekuriti multi-ancaman Fortinet membolehkan fleksibiliti dengan mencantumkan beberapa keupayaan perlindungan rangkaian dengan Pengurus Imuniti Rangkaian ProCurve bagi membolehkan peningkatan perlindungan dari ancaman luar dan dalam.

Pengurus Imuniti Rangkaian ProCurve pula adalah aplikasi pengurusan sekuriti yang memonitor port suis wayar atau rangkaian tanpa wayar dari serangan virus dan membolehkan pentadbir menentukan pengesanan dan respon polisi sekuriti.

Aplikasi multi-ancaman Fortinet FortiGate berskala, rangkaian komprehensif dan platform perlindungan kandungan yang mengintegrasikan lapan aplikasi sekuriti penting dan servis termasuk antivirus, firewall, VPN, IPS, anti-spam, anti-spyware, penyaring Web serta membentuk trafik. Ia dikemaskini secara automatik menerusi servis langganan FortiGuard yang juga sentiasa ditingkatkan daripada serangan virus, cacing, trojan dan ancaman terkini lain.

"Mempertahankan rangkaian perusahaan daripada ancaman seperti virus merupakan komponen penting dalam menyediakan infrastruktur rangkaian yang boleh dipercayai.

Gabungan antara Pengurus Imuniti Rangkaian ProCurve dengan Platform FortiGate Fortinet amat sesuai dengan strategi pertahanan ProActive ProCurve. Kami begitu teruja dengan kolaborasi kukuh ini," kata Paul Congdon, Ketua Pegawai Teknologi ProCurve Networking dari HP.